

12/12/2001

TV1, TV2 sediakan 90 rancangan raya

Akmal Abdullah

RADIO Televisyen Malaysia (RTM) memperhebatkan susunan programnya sempena Aidilfitri ini dalam suasana memeriahkan hari lebaran, sekali gus memikat lebih ramai penonton beralih kepada TV12 dan TV2.

Sekurang-kurangnya 90 rancangan khas disediakan sepanjang tempoh musim perayaan itu yang bermula 15 Disember ini, sehingga 23 Disember ini untuk Saluran perdana (TV1) manakala Saluran Emas (TV2) sehingga 18 Disember ini.

Daripada jumlah itu, ia belum termasuk rancangan untuk sambutan Krismas, selain semua rancangan yang disediakan itu disifatkan adalah kombinasi terbaik berdasarkan hiburan, pendidikan, maklumat dan pengetahuan am.

Rancangan istimewa yang disediakan itu termasuklah muzikal, drama, telemovie, dokumentari, sitkom, talk show dan filem Melayu serta filem Inggeris.

Pengumuman mengenainya dilakukan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, di Angkasapuri, baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman.

Zainuddin berkata, semua rancangan itu dimasukkan dalam pelbagai slot tertentu menerusi tema Fiesta Aidilfitri RTM 2001 sempena sambutan perayaan Hari Raya Puasa 1422 Hijrah.

"TV1 membuat persediaan mengadakan siaran sebanyak 20 jam sehari untuk tempoh selama sembilan hari berturut-turut mulai 15 hingga 23 Disember ini, sementara TV2 bersedia memberikan persembahan istimewanya sebanyak 18 jam sehari selama empat hari berturut-turut dari 15 hingga 18 Disember ini.

"Paling istimewa ialah pada malam raya, iaitu Gema Takbir Aidilfitri yang dibuat secara langsung di TV1. Ini adalah pendekatan baru pada malam menjelang hari raya pertama. Sepanjang malam kita dengarkan gema takbir.

"Ini adalah bersesuaian kerana pada malam raya ramai yang sibuk buat persiapan dan boleh mendengar takbir raya.

"Dalam semua rancangan yang disediakan itu, 40 peratus adalah terbitan RTM sendiri manakala selebihnya daripada penerbit luar dan import. Daripada jumlah itu, 35.4 peratus adalah rancangan baru khas untuk Aidilfitri tahun ini.

"Bezanya persembahan di RTM dengan saluran TV lain di negara ini ialah kandungan rancangannya yang disusun khas terutama di TV1 yang menyelitkan banyak mesej ke arah pembentukan nilai murni bagi membina kesejahteraan ummah serta pembangunan negara di sebalik setiap rancangannya.

"TV1 kali ini lebih menitikberatkan kepada soal penghayatan dan pengertian Aidilfitri seperti yang dianjurkan Islam. TV2 pula menyediakan rancangan lebih santai khususnya untuk penonton bukan Muslim," katanya.

Menerusi TV1, pada malam raya pertama, selepas ucapan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia akan disajikan dengan takbir yang selitkan dalam slot Berita Perdana.

Kemudiannya, ia mempersembahkan rancangan terbitan Jakim secara langsung berjudul Gema Takbir Aidilfitri, bermula jam 9.30 malam hingga penutup siarannya, jam 2 pagi.

Sempena musim Aidilfitri ini juga, lebih 10 judul filem Melayu dipilih untuk siaran TV1 dan TV2 sebagai usaha meningkatkan kecintaan terhadap filem cereka tempatan di kalangan rakyat Malaysia.

Di TV1, filem berkenaan ialah Soal Hati pada hari raya pertama, jam 9 malam, serta Putera (raya kedua, jam 1 petang), manakala pada raya ketiga,

disiarkan filem Dendang Perantau (1 petang), Senja Bukan Merah (4.02 petang) dan Anaknya Sazali (9 malam).

Pada raya keempat, disiarkan filem Berkorban Apa Saja (1 petang), Enam Jahanam (raya kelima, 1 petang) dan Litar Kasih (raya kelima, 11.30 malam). Filem Mira Edora dan Madu Tiga disiarkan raya keenam, masing-masing jam 4 petang dan 9 malam. Raya ketujuh disiarkan filem Gemilang, jam 4.02 petang, Red Haired Tumbler Di Malaya (raya kelapan, 4.02 petang).

Slot Panggung RTM menyajikan filem Mentari Di Ufuk Timur, jam 9 malam pada raya ketujuh, selain pada hari yang sama disiarkan filem Arab, Shahtot In Beirut, jam 11.30 malam. Di TV2, filem Melayu yang dipilih ialah Jogho pada hari raya pertama, jam 2 petang.

(END)